



LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
BANGUNAN FAMA POINT, LOT 17304, JALAN PERSIARAN SATU,
BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN.
Tel : 603-61262020 No Faks : 603-61383650 Email : fama@fama.gov.my

SIARAN MEDIA

EKSPO MALAYSIA FEST 2022 PLATFORM PEMULIHAN EKONOMI AGROMAKANAN NEGARA

SINGAPURA, 26 OGOS 2022 – Ekspo Malaysia Fest 2022 akan diadakan selama empat hari bermula 25 hingga 28 Ogos di Singapore Expo, Changi, Singapura.

Program ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Haji Ahmad Bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui FAMA dengan kerjasama MegaXpress International Pte.Ltd akan mempromosikan produk IKS, destinasi pelancongan dan kraftangan Malaysia khusus bagi rakyat Singapura.

Edisi Kali ini disertai oleh 220 syarikat PKS Malaysia yang akan mempromosi dan memasarkan pelbagai produk keluaran tempatan. Antara tarikan utama ialah FAMA akan membawakan produk segar tempatan seperti petai, nangka, cempedak dan ulam-ulaman kampung disamping produk hiliran seperti amplang Sabah, keropok lekor Terengganu, kek lapis Sarawak dan banyak lagi.

“Jenis-jenis produk yang dikenalkan pada tahun ini lebih kepada produk yang melambangkan negeri-negeri di Malaysia yang akan membantu dalam melonjakkan jualan,” kata Ahmad.

“Penganjuran program kali ini merupakan edisi ke lima dan sememangnya amat dinantikan bagi warga Singapura terutama setelah 2 tahun tertangguh berikutan COVID-19. Para pengunjung yang hadir ke tapak ekspo berpeluang untuk merasai pelbagai jenis citarasa makanan, produk popular dan budaya yang terdapat di seluruh negeri Malaysia.”

Ahmad berkata, “MAFI melalui FAMA sentiasa membantu para usahawan dalam menerokai ruang eksport yang tersedia bagi menggalakkan usahawan PKS Malaysia untuk menceburi bidang pengeksportan yang memiliki potensi pasaran yang lebih luas. Penganjuran tahun pertama program ini pada tahun 2016 telah mencatatkan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM4.5 juta dan terus meningkat sebanyak 60% pada tahun 2019 kepada RM7.3 juta. Ini memberikan keyakinan kepada MAFI untuk meneruskan program tersebut pada tahun ini dan masa akan datang.”

“Selain itu, ini juga sebagai satu medan atau platform bagi usahawan-usahawan tempatan dalam memulihkan kembali perniagaan mereka setelah menempuhi tempoh pandemik bagi memastikan produk agromakanan keluaran negara kekal mendapat sambutan di

pasaran global dan sekaligus dapat mempromosikan lokaliti negeri dalam sektor agropelancongan.”

“Pada edisi kali ini, kita berjaya mendapat sokongan daripada beberapa kerajaan negeri seperti Selangor, Sabah, Negeri Sembilan, Perak, Sarawak dan Terengganu. Diharap lebih banyak lagi kerajaan negeri yang dapat memberi sokongan kepada program seumpama ini bagi mempromosikan produk dan budaya yang terdapat di negeri-negeri kepada rakyat luar di samping meningkatkan tahap sosioekonomi di negeri masing-masing.”

Ahmad turut menyaksikan pertukaran memorandum persefahaman (MoU) di antara Anieps Enterprise Sdn. Bhd. bersama Rock On Consulting Pte. Ltd. Melalui kerjasama tersebut produk *ready to eat* (RTE) jenama Food Cartel akan di import dan di edarkan oleh Rock on Consulting Pte. Ltd. untuk pasaran antarabangsa dengan nilai perjanjian sebanyak RM20 juta bagi tempoh 5 tahun.

Berdasarkan statistik dagangan antarabangsa ke Singapura oleh MAFI, nilai eksport bahan makanan Malaysia ke republik tersebut pada tahun 2021 meningkat sebanyak 11.6% kepada RM7.7 bilion berbanding RM6.8 billion pada tahun sebelumnya. Dalam pada itu, nilai eksport buah-buahan pula meningkatkan daripada RM0.53 bilion kepada RM0.54 billion pada tempoh yang sama.

Selain daripada Singapura, FAMA turut merancang untuk menganjur ekspo Malaysia Fest ini di lain-lain negara bagi mempergiatkan aktiviti promosi produk agromakanan negara kepada masyarakat antarabangsa dan seterusnya meningkatkan nilai eksport produk tersebut di pasaran global.

Bagi edisi Malaysia Fest 2022, FAMA menetapkan sasaran jualan sebanyak RM7 juta dan 90,000 pelawat dijangka mengunjungi pesta yang diadakan selama empat hari itu selepas dua tahun pelaksanaan program itu ditangguhkan penganjurannya.

Turut hadir, YBrs. Encik Zainal bin Sapari, Assistant-Director General, National Trades Union Congress (NTUC), TYT Dato’ Dr. Azfar Mohamad Mustafar, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura, YBhg. Dato’ Haslina Binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha MAFI dan YBrs. Puan Rosilawati Binti Abu Hassan, Timbalan Ketua Pengarah (Khidmat Pengurusan) FAMA.

#####

Disediakan oleh:

**Cawangan Komunikasi Korporat FAMA Ibu Pejabat
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
26 Ogos 2022**

FACTSHEET

MAJLIS PERASMIAN *EXPO MALAYSIA FEST 2022*

BIL.	PERKARA	KENYATAAN
1.	Program	MAJLIS PERASMIAN <i>EXPO MALAYSIA FEST 2022</i>
2.	Tarikh/Hari	26 Ogso 2022 (Jumaat)
3.	Masa	3.00 ptg
4.	Tempat	Hall 6A, Singapore Expo 1 Expo Dr, Singapore 486150
5.	Tetamu Jemputan	<ol style="list-style-type: none"> 1. YB Datuk Seri Hj. Ahmad bin Hamzah Timbalan Menteri Pertanian & Industri Makanan I 2. En. Zainal Sapari Assistant-Director General, National Union Congress (NTUC) of Singapore 3. YB Datuk Dr. Joachim Gunsalam Timbalan Ketua Menteri/ Menteri Pembangunan Industri Sabah 4. YB Dato' Hj. Mohd Fasih bin Hj Mohd Fakeh Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) 5. YBhg. Dato' Haslina Abdul Hamid Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian & Industri Makanan 6. YB Tuan Ir Izham bin Hashim EXCO Infrastruktur & Pertanian Negeri Selangor 7. YB Dato' Zainol Fadzi bin Paharudin Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pembangunan Usahawan & Koperasi Negeri Perak 8. YB Dato' Dr. Mohamad Rafie bin Ab. Malik Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pelaburan, Perindustrian, Keusahawanan, Pendidikan dan Modal Insan Negeri Sembilan

BIL.	PERKARA	KENYATAAN
		<p>9. Pn. Rosilawati Abu Hassan Timbalan Ketua Pengarah (Khidmat Pengurusan) FAMA</p> <p>10. Hj. Hamzah Hj Abdullah Managing Director, MegaXpress International Pte. Ltd.</p>
6.	Aturcara	<p>2.45 pg - Ketibaan Jemputan & Dif-dif kehormat</p> <p>3.00 ptg - Ketibaan YB. Datuk Seri Hj. Ahmad Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian & Industri Makanan I</p> <ul style="list-style-type: none"> - Persembahan kebudayaan - Bacaan doa - Ucapan aluan oleh En. Zainal Sapari, <i>Assistant-Director General, National Union Congress (NTUC) of Singapore</i> - Ucapan perasmian oleh YB. Datuk Seri Hj. Ahmad Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian & Industri Makanan I - Gimik Perasmian - Majlis pertukaran MoU <ul style="list-style-type: none"> • Anieps Enterprise (Food Cartel), Malaysia – Tambuah Mas Indonesian Restaurant, Singapore • Anieps Enterprise (Food Cartel), Malaysia – Rock on Consulting Pte. Ltd., Singapore - Penyampaian cenderahati - <i>Walkabout</i> di tapak ekspo - Sidang media <p>6.30 ptg - Bersurai</p>

MALAYSIA FEST 2022
Hall 6A, Singapore Expo, Changi
25 – 28 Ogos 2022
10 pagi – 10 malam

1. LATAR BELAKANG PROGRAM

- Program anjuran MegaXpress International Pte. Ltd. dengan kerjasama Kementerian Pertanian & Industri Makanan (MAFI) menerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).
- Edisi ke-5 sejak dianjurkan pada tahun 2016 dan merupakan penganjuran pertama setelah pembukaan sempadan Malaysia – Singapura pasca penularan wabak covid-19.
- Berkonsepkan pameran perdagangan dan pengguna yang dikhususkan untuk mempromosi produk keluaran Malaysia termasuk produk agromakanan, pakej pelancongan, produk kecantikan, fesyen, kraftangan dan produk unik/ tradisional dari negeri-negeri di Malaysia.
- Disertai oleh usahawan dari seluruh Malaysia dengan menawarkan sebanyak 217 buah booth.

2. OBJEKTIF PENYERTAAN

- Memperkukuh dan memperluaskan pasaran produk keluaran Malaysia ke Singapura bagi meningkatkan nilai eksport usahawan PKS Malaysia.
- Menyediakan platform kepada usahawan Malaysia untuk mempromosi, memperkenalkan serta membuat jualan produk keluaran mereka di Singapura terutama pasca covid-19.
- Sebagai medium *trade linkages* bagi Usahawan Malaysia untuk membina jaringan dengan pengimport dari Singapura dan seterusnya mengeksport produk keluaran mereka ke republik tersebut.

- Membuat risikan pasaran berkaitan keboleh pasaran dan tahap saingan (*competitiveness*) produk keluaran usahawan Malaysia di pasaran Singapura serta mengenalpasti penambahbaikan yang perlu dilakukan untuk memenuhi syarat yang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa makanan di sana.

3. REKOD NILAI JUALAN MALAYSIA FEST 2016 - 2019

TAHUN	BIL. BOOTH	NILAI JUALAN (RM'JUTA)	JUMLAH PENGUNJUNG	PENINGKATAN JUALAN %
2016	240	4.51	70,000	-
2017	240	6.60	75,000	31
2018	255	8.47	87,000	22
2019	223	7.37	90,000	(13)

4. PRESTASI PENYERTAAN FAMA DI MALAYSIA FEST 2016 – 2019

TAHUN	BIL. BOOTH	BIL. USAHAWAN	KOS (RM)	NILAI JUALAN (RMA)	ROI
2016	30	20	226,440	525,322	1 : 2.30
2017	31	23	255,516	838,413	1 : 3.30
2018	30	28	226,682	975,018	1 : 4.30
2019	27	18	204,013	657,367	1 : 3.22

5. PENYERTAAN FAMA DAN KERAJAAN NEGERI/ KEMENTERIAN/ AGENSI BERKAITAN

- Bagi edisi 2022, FAMA turut berperanan untuk menyelaras dan mengurus penyertaan daripada kerajaan negeri dan agensi kerajaan yang berkaitan.
- Berikut adalah status penyertaan:

BIL	PENYERTAAN	BIL. BOOTH
1.	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	26
2.	Tourisms Malaysia	16
3.	Negeri Selangor	10
4.	Negeri Sembilan	6
5.	Negeri Sabah	6
6.	Negeri Perak	5
7.	Negeri Sarawak	4
8.	Negeri Terengganu	5
9.	Agensi (LPNM, KEJORA, KADA, PUJB)	8
10.	Selebriti Malaysia	20
11.	<i>Popular dishes & food truck</i>	24
12.	Fesyen, Kecantikan, Kesihatan	87
JUMLAH KESELURUHAN		217

6. FOKUS PRODUK

- Berkesinambungan dari penganjuran pameran *Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism Show (MAHA) 2022*, FAMA akan memperkenalkan Buah tema di Expo Malaysia Fest 2022 iaitu **Artocarpus** yang terdiri daripada buah Nangka dan Cempedak. Secara keseluruhan 2 tan buah Nangka dan Cempedak akan di promosikan di Malaysia Fest 2022.
- Lain-lain produk yang diberi fokus dan bakal mendapat sambutan oleh pengunjung adalah:
 - Petai Perak
 - Keropk lekor Terengganu

- Amplang Sabah
- Opak ubi kayu Johor
- Kek Lapis Sarawak
- Air Tebu Negeri Sembilan
- Pes Rendang Tok Perak
- Biskut Kelapa Perak
- Mee Siput Johor
- Buah-buah segar
- Sayuran/ ulaman kampung

7. NILAI EKSPORT BAHAN MAKANAN MALAYSIA KE SINGAPURA 2017 – 2021

EKSPORT BAHAN MAKANAN

NEGARA	2017 (RM'B)	2018 (RM'B)	2019 (RM'B)	2020 (RM'B)	2021 (RM'B)
Singapore	6.1	6.3	6.7	6.8	7.7
China	2.4	2.9	3.9	4.2	4.9
Thailand	2.1	1.9	1.6	1.9	2.3
Indonesia	2.4	2.3	1.9	1.6	2.0
Japan	1.5	1.3	1.5	1.3	1.5

*termasuk nilai eksport buah-buahan

EKSPORT BUAH-BUAHAN

NEGARA	2017 (RM'B)	2018 (RM'B)	2019 (RM'B)	2020 (RM'B)	2021 (RM'B)
China	0.13	0.26	0.49	0.47	0.92
Singapore	0.49	0.5	0.44	0.53	0.54
Vietnam	0.03	0.04	0.03	0.05	0.08
Hong Kong	0.07	0.09	0.08	0.07	0.07
Australia	0.01	0.02	0.03	0.04	0.07

Sumber: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)

8. JANGKAAN IMPAK

- Impak daripada penyertaan dalam program ini adalah seperti berikut:-
 - Mempomosi dan mengetengahkan keunikan dan destinasi pelancongan negeri-negeri di Malaysia kepada rakyat Singapura.

- Usahawan boleh membuat jualan secara terus kepada pengguna di Singapura
- Meneroka peluang dan menarik pelancong/pelabur daripada Singapura

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Pengunjung	90,000
2	Pertanyaan perdagangan (<i>Trade inquiry</i>)	300
3	Padanan perniagaan (<i>business matching</i>)	50
4	Usahawan mendapat manfaat	200 syarikat
5	Produk di promosi	3,000 SKU
6	Sasaran Nilai Jualan	RM7 juta
7	Potensi Nilai Eksport	RM15 juta